

16/04/1997

Sarawak sokong bekal elektrik

KUCHING, Selasa - Kerajaan negeri akan memberi kerjasama penuh kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam usaha menjayakan program pembekalan elektrik ke semua perkampungan yang mempunyai kemudahan sekolah di negeri ini.

Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pendidikan negeri, Datuk Abang Johari Tun Openg, berkata langkah itu bagi membolehkan usaha meningkatkan penggunaan komputer di kalangan pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan, khususnya di kawasan luar bandar.

"Sebahagian daripada sekolah luar bandar mempunyai kemudahan komputer, tetapi pelajar tidak dapat memanfaatkannya kerana tidak ada bekalan elektrik untuk membolehkannya berfungsi.

"Kerana itu usaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan penguasaan pelajar luar bandar mengenai komputer, masih lagi terhalang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri sesi dialog Koridor Raya Multimedia bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui sidang video di Dewan Suarah di sini, hari ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dalam lawatannya ke sini, semalam, memberi jaminan pihaknya akan memberi tumpuan menyalurkan kemudahan bekalan elektrik ke semua perkampungan yang mempunyai kemudahan sekolah di negeri ini.

Annuar berkata, langkah kementerian memberi keutamaan kepada perkampungan yang mempunyai kemudahan itu adalah untuk memastikan proses pendidikan di kawasan luar bandar dapat ditingkatkan.

Annuar menganggarkan di antara 400 dan 800 perkampungan yang mempunyai kemudahan sekolah di negeri ini masih belum mendapat bekalan elektrik.

Abang Johari yang juga selaku Menteri Pembangunan Perindustrian negeri berkata, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat negeri bagi menjayakan program berkenaan.

"Jawatankuasa peringkat negeri akan bekerjasama erat dengan jawatankuasa di peringkat pusat, dalam menjayakan rancangan itu.

"Penubuhan jawatankuasa di peringkat negeri adalah langkah bagi mempercepatkan urusan yang berkaitan, sekali gus memastikan program pembekalan elektrik ke sekolah luar bandar dapat disiapkan segera," katanya.

(END)